

# Pengajian Hadis dalam Era Moden: Cabaran dan Implikasi Terhadap Kesahihan Sumber

## [*Hadith Studies in the Modern Era: Challenges and Implications for the Validity of Sources*]

Hazlin Hussain<sup>1</sup> & Latifah Abdul Majid<sup>1\*</sup>

1 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: P135173@siswa.ukm.edu.my; umilm@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: umilm@ukm.edu.my

**BITARA**

Volume 7, Issue 3, 2024: 192-200  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 2 August 2024  
Accepted: 28 August 2024  
Published: 17 September 2024

### Abstrak

Gabungan teknologi dalam era globalisasi banyak mengubah landskap pembelajaran ilmu hadis yang menjadikan ia bersistematis sepertilaman web, perisian, dan pelbagai aplikasi yang mudah dicapai menerusi peranti pengguna. Namun, dalam kepesatan teknologi sekarang, masih timbul beberapa isu yang menjadi cabaran dalam perkembangan ilmu hadis. Artikel ini bertujuan mengenal pasti cabaran kontemporari dalam kajian hadis di Nusantara. Kajian ini melibatkan kaedah analisis dokumen khususnya dalam artikel jurnal, prosiding, kertas kerja seminar yang berkaitan dengan cabaran hadis kontemporari di Malaysia dan menyentuh sedikit kajian di Indonesia. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lima tema yang dikenal pasti memberi cabaran dalam kajian hadis di Nusantara iaitu cabaran penerbitan buku dan majalah, penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis oleh golongan liberal, kurangnya pangkalan data dalam Bahasa Melayu, pengaruh media sosial dan digital serta cabaran pendakwah. Artikel ini diharap berupaya memberi input kepada pihak tertentu bagi memantapkan lagi perkembangan kajian hadis khususnya di Malaysia.

**Kata kunci:** Cabaran Kontemporari, Islam Liberal, Hadis Nusantara, Teknologi Digital, Pendakwah Segera

### Abstract

*The integration of technology in the era of globalization has significantly transformed the landscape of Hadith studies, making it more systematic through websites, software, and various applications that are easily accessible via user devices. However, despite the rapid advancement of technology, several issues still pose challenges to the development of Hadith knowledge. This article aims to identify contemporary challenges in Hadith studies in the Nusantara region. The study involves document analysis methods, particularly examining journal articles, proceedings, and seminar papers related to contemporary Hadith challenges in Malaysia, with some reference to studies in Indonesia. The findings reveal five main themes that present challenges to Hadith studies in the Nusantara region: challenges in publishing books and magazines, misuse of Quranic verses and Hadith by liberal groups, lack of Malay-language databases, the influence of social and digital media, and challenges faced by preachers. This article is hoped to provide valuable insights for relevant parties to further enhance the development of Hadith studies, particularly in Malaysia.*

**Keywords:** Contemporary Challenges, Liberal Islam, Nusantara Hadith, Digital Technology, Instant Preachers

**Cite This Article:**

Hazlin Hussain & Latifah Abdul Majid. (2024). Pengajian Hadis dalam Era Moden: Cabaran dan Implikasi Terhadap Kesahihan Sumber [Hadith Studies in the Modern Era: Challenges and Implications for the Validity of Sources]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 192-200.

## Pengenalan

Hadis adalah sumber kedua terpenting dalam agama Islam untuk memberikan panduan dan pedoman bagi umat Islam menjalani kehidupan sehari-hari. Dalam era kini, hadis juga boleh menjadi sasaran manipulasi dan penyelewengan bagi sesetengah pihak dengan menyebarkan hadis palsu menerusi percetakan mahupun secara digital. Hadis palsu bukanlah isu baru dan bukan juga tidak pernah dijelaskan kepada masyarakat, akan tetapi disebabkan keterbatasan pendedahan dan penjelasan yang boleh dijadikan rujukan secara pantas dan mudah difahami beserta kurangnya kesedaran agar berwaspada dalam menyandarkan sesuatu perkara kepada Nabi SAW (Abur Hamdi & Mohd Norzi 2022). Apatah lagi, tidak semua manusia memiliki kepakaran dalam ilmu hadis khasnya ilmu takhrij (sumber asal hadis). Pengajian ilmu hadis secara mendalam hanya terhad di peringkat kolej dan universiti, menyebabkan masyarakat tidak terdedah dengan kaedah mengenal pasti hadis palsu. Malahan kebergantungan masyarakat awam kepada buku-buku agama yang bukan dikategorikan sebagai kitab hadis sebagai bahan bacaan asas dalam memahami agama terus mengalami lonjakan. Hal ini membimbangkan kerana hadis palsu boleh mempengaruhi pemahaman agama dan berpotensi menimbulkan perpecahan dalam kalangan masyarakat termasuk merosakkan akidah.

## Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen melibatkan artikel yang berkaitan dengan cabaran hadis di Nusantara. Artikel ini memfokuskan mengenai cabaran yang berlaku di Malaysia dan Indonesia sahaja. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik khususnya dan umat Islam dalam memahami al-Quran dan hadis Rasulullah SAW tanpa keraguan. Dengan kata lain, kajian ini dapat membantu masyarakat Islam agar tidak terperangkap dengan kesilapan yang boleh memesongkan akidah dan dapat beramal sesuai dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.

## Dapatan dan Perbincangan

Hasil kajian artikel lima tahun terkini menunjukkan pelbagai cabaran yang dihadapi dalam dunia penyebaran hadis. Artikel ini telah merumuskan lima tema yang membincangkan tentang cabaran kontemporari dalam kajian hadis Nusantara. Antaranya, cabaran hadis palsu dalam penerbitan buku dan majalah, cabaran penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis oleh golongan liberal, cabaran pendakwah, cabaran pangkalan data dalam Bahasa Melayu serta pengaruh media sosial dan digital.

## Penyebaran Maklumat Hadis Palsu

Sebelum meneliti kajian mengenai penemuan hadis palsu dalam percetakan, adalah penting untuk terlebih dahulu memahami definisi hadis palsu menurut pelbagai pandangan. Seperti yang dinyatakan oleh Ibn Arraq, al-Salah, al-Sakhawi, dan al-Suyuti, hadis palsu merujuk kepada sebarang hadis yang dicipta dan kemudiannya dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW, sama ada dengan sengaja atau tanpa sengaja; ini termasuk semua perkara yang dinisbahkan kepada Baginda SAW, walaupun Baginda SAW tidak pernah menyatakan, melakukan, atau memperakui sesuatu daripadanya (Abur Hamdi 2022).

Menurut kajian yang dijalankan dalam lima tahun kebelakangan ini, persoalan tentang hadis palsu masih menjadi perdebatan. Ini disebabkan oleh fakta bahawa riwayat-riwayat sintetik telah tersebar dalam masyarakat melalui buku dan beberapa penulis telah menggunakan maklumat ini tanpa menyebut sumber dan hukum hadis (Abur Hamdi & Mohd Norzi 2022). Sebuah kajian yang sama juga mendapati bahawa terdapat 29 percetakan di Malaysia yang memuatkan hadis palsu dalam bentuk majalah, buku agama dalam bahasa Arab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, buku motivasi, buku agama bacaan awam, dan kitab jawi. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa sembilan buku agama bacaan awam mengandungi hadis palsu. Sebagai contoh:

- a. Siri Bimbingan Jiwa: Pesonanya Perkahwinan
- b. Terjemahan kitab *Hayatus Sahabah* (Kehidupan Para Sahabat) karangan Syeikh Muhammad Yusuf Kandhalawi
- c. *Penciptaan Jin & Syaitan – Serta Mengatasinya Gangguannya*
- d. *Kelebihan Amalan Bulan Rejab, Sya'ban, Ramadhan*
- e. *Keajaiban Solat Wajib lima Waktu, Fadilat dan Rahsia*
- f. *13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan*
- g. *Rahsia dan Khasiat Bismillah*
- h. *Rahsia al-Fatihah*
- i. *Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW Ramadhan*

Ini jelas menunjukkan karya penulisan bergenre agama Islam yang memuatkan hadis palsu telah tersebar dengan mudah kepada masyarakat. Setelah diperhalusi, isu ini masih berlaku kerana menurut kajian Abur Hamdi Usman & Mohd Norzi Nasir (2022) tidak terdapat sebarang akta khusus bagi menjamin kesahihan penulisan teks hadis dalam hasil-hasil penerbitan berbanding percetakan al-Quran dan penulisan tafsir.

Jika disemak menerusi Portal Kementerian Dalam Negeri (Bahagian Pengawaluan dan Kawalan) semua bentuk percetakan atau penerbitan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran sekurang-kurangnya satu juzuk adalah perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ). Manakala, bagi karya tafsir pula ia perlu disemak dan dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum diterbitkan. Berdasarkan laman web Kementerian Dalam Negeri, telah diterbitkan Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadis serta Panduan Asas Penyemakan Sumber dan Status Hadis (2021) namun dari segi pengawaluan dan penguatkuasaan ia masih perlu diperkuuh.

## Interpretasi Pemikir Islam Liberal

Pada masa kini, ramai pendukung liberalisme terdiri daripada kalangan masyarakat Islam itu sendiri termasuk sarjana Islam, jadi golongan liberal yang berjaya memasukkan pemikiran bebas dalam masyarakat tidak perlu lagi bersusah payah untuk mempertahankan liberalisme. Mereka menentang kewajipan bertudung, hukum hudud dan mempertikaikan autoriti agama dengan menggunakan hujah hak asasi manusia (Norsaleha, Ahmad Munawar, Noor Hafizah & Mohd. Syairawi 2021).

Salah satu fahaman liberal yang lahir ialah fahaman *agnosticisme* iaitu pemikiran yang membebaskan minda manusia daripada sebarang tanggapan tentang Tuhan. Dari satu sisi, golongan ini tidak menolak kewujudan Tuhan sebaliknya mereka menyatakan bahawa menolak kewujudan Tuhan adalah fahaman yang kuno. Apa yang menyesatkan mereka ialah apabila mereka membuat kesimpulan sendiri tentang al-Quran dan hadis yang merupakan sumber rujukan utama umat Islam (Farah Hanie, Mohd Haidhar & Mazlan 2023).

Dalam isu penyalahgunaan hadis, golongan ini telah mempersoal, menghina dan menafikan hadis Nabi Muhammad SAW, malah merosakkan maksud hadis dengan pelbagai isu akidah. Berikut adalah tafsiran hadis oleh golongan *agnosticisme* berkait dengan penyalahgunaan hadis dengan menggunakan logik akal tanpa merujuk kepada perbahasan ulama (Farah Hanie, Mohd Haidhar & Mazlan 2023).

Hadis wanita yang bercantik-cantik dilaknat Allah SWT:

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ مُقَاتِلٍ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ، أَخْبَرَنَا سُفِيَّاً، عَنْ مَنْصُورٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ عَلْقَمَةَ، عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ - رضى الله عنه - قَالَ لَعْنَ اللَّهِ الْوَاشِمَاتِ، وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ، وَالْمُتَنَقِّصَاتِ وَالْمُتَقْبِلَاتِ لِلْحُسْنِ، الْمُغَيَّرَاتِ حَلْقَ اللَّهِ، مَا لَيْ يَلِي لَا لَعْنُ مَنْ لَعَنَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ.

Terjemahan: Ibn Mas'ud meriwayatkan: Rasulullah SAW bersabda:

“Allah SWT melaknat para wanita pembuat tatu dan mereka yang meminta untuk dibuatkan tatu untuknya, para wanita yang mencukur bulu kening serta wanita yang meminta untuk dibuang bulu keningnya, para wanita yang menjarangkan gigi-giginya, dan para wanita yang mengubah ciptaan Allah”.

Tafsiran Hadis Golongan *Agnosticisme*:

“Allah ni takde kerja lain. Asyik melaknat orang sahaja terutama kepada kaum wanita. Wanita yang buat tatu, wanita yang cukur bulu kening, wanita yang menjarangkan gigi-giginya, wanita yang mengubah ciptaan Allah, semuanya dilaknat. Dalam hadis dan Quran wanita asyik lah menjadi mangsa laknat. Kenapa Allah benci sangat kepada kaum wanita? Itu tak boleh, ini tak boleh, semuanya haram. Islam agama yang sangat menyusahkan kepada kaum wanita. Pergi mampus la Allah”.

Jika diteliti, status hadis ini adalah sahih iaitu hadis yang ke-5943 dalam *Sahih al-Bukhari*, bab: wanita yang menyambung rambut (Sahih al-Bukhari, 2021). Namun golongan *agnosticisme* mengkritik hadis ini tanpa melalui disiplin ilmu yang betul dan menggunakan akal semata-mata tanpa merujuk kepada kesahihan sumber al-Quran dan hadis. Dalam meneliti perkara ini kaedah berinteraksi dengan hadis secara tepat amat penting terutamanya apabila melibatkan soal akidah dan hal-hal berkaitan hukum-hakam.

Dalam satu artikel yang ditulis Ibtisam, Siti Fazidatul Zahariah, Norhashimah & Berhanundin (2022) bertajuk *Kaedah mengenal pasti status hadis dan kesannya dalam penyampaian mesej dakwah* menyenaraikan salah satu cara berinteraksi dengan hadis ialah dengan kaedah yang digariskan oleh al-Qadrawi iaitu mengumpulkan hadis-hadis dalam satu tema yang sama, menghimpunkan atau mentarjih (pilih) hadis-hadis yang bertentangan, memahami hadis berdasarkan sebab dan latar belakang, melihat kepada sebab atau ‘illah berlakunya hadis berkenaan, membezakan antara *uslub* hakikat dan majaz (kiasan), membezakan antara perkara-perkara ghaib dan realiti dan memastikan pendalilan lafaz hadis. Selain itu, salah faham terhadap pentafsiran al-Quran dan hadis boleh menyebabkan keruntuhan akidah seseorang Muslim. Sebagaimana yang diketahui, al-Quran dan hadis adalah sumber utama syariat Islam. Oleh itu, kedua-dua sumber ini tidak boleh disalah tafsir mengikut logik akal seseorang atau kumpulan tertentu, terutamanya apabila individu yang menentang hadis muncul dan mentafsir dan menerangkan hadis dengan cara mereka sendiri tanpa merujuk kepada sumber yang boleh dipercayai. Terdapat juga individu yang tidak bersetuju dengan kepercayaan ulama-ulama muktabar.

Apa yang lebih membimbangkan adalah ideologi liberalisme ini telah mempengaruhi golongan belia untuk cenderung merujuk kepada pandangan sarjana dan buku yang ditulis oleh puak liberal. Kerana prejudis dan salah faham mereka terhadap para ulama itu sendiri, sesetengah daripada mereka mengelak daripada merujuk kepada ulama Islam, sekaligus mengheret mereka jauh dari jalan yang benar. Hasilnya, golongan muda melihat transformasi yang hebat yang dibawa oleh Barat sebagai satu kejayaan yang tidak boleh dicapai jika mereka terus mengikuti Islam yang dianggap konservatif (Norsaleha et. al 2021).

## Kemunculan Pendakwah ‘Segera’

Dalam kertas persidangan yang dibentangkan oleh Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman dan Mohd Maziz al-Hadi Moharam (2021), bertajuk *Prospek dan cabaran implementasi dakwah dalam media kontemporari: satu analisis* mendapati terdapat beberapa cabaran yang harus disahut oleh pendakwah masa kini antaranya adalah cabaran kemunculan ustaz dan ustazah “segera”. Istilah ini merujuk kepada golongan pendakwah yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi mereka turut menyampaikan ajaran tentang pengalaman mereka setelah berhijrah. Dari satu sudut, keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia mempunyai kesedaran tentang hukum agama dan membuktikan keterbukaan masyarakat untuk membincangkan mengenai sesuatu isu. Namun, dalam masa yang sama fenomena ini akan mendatangkan keburukan terhadap kesan pemahaman ajaran Islam yang tidak benar. Kewujudan fenomena ustaz dan ustazah “segera” perlu dipantau dan ditangani bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam (*Harian Metro* 2017).

Cabaran seterusnya adalah cabaran persediaan ilmu agama, cabaran ke atas *da'i* itu sendiri, kualiti mesej yang disampaikan, lambakan dan penyalahgunaan maklumat dan keperluan pendakwah untuk melengkapkan diri dengan ilmu teknologi komunikasi (Halim Mokhtar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra, Mohd Hakim Arshad & Abdul Haiy Mahmod 2023). Percampuran adat dan agama memberi kesan dalam pengajian hadis seperti mana yang berlaku dalam amalan Rebo Wekasan, satu tradisi yang popular di kalangan Muslim Indonesia, khususnya di Kudus, Jawa Tengah. Kajian Moh Rosyid & Lina Kushidayanti (2022) ini meneliti amalan tersebut dari perspektif '*urf* (adat atau kebiasaan). Rebo Wekasan dilakukan dengan solat tolak bala (solat untuk mengelakkan bencana) dan meminum 'air salamun' (air yang diberkati). Pengunjung mempercayai bahawa Rabu terakhir dalam bulan Safar adalah hari yang dipenuhi malapetaka, dan *air salamun* dipercayai dapat membersihkan jiwa secara rohani. Dari perspektif '*urf*', Rebo Wekasan dianggap sebagai '*urf* sahih (adat yang baik) kerana ia mengandungi nilai-nilai murni dan berasaskan ajaran agama. Begitu juga kajian yang dilakukan Syahidil Mubarik Mh. (2023) dalam Tradisi Nikah Payung Sekaki di Muara Madras, Jambi. Artikel ini mengulas tradisi pernikahan "Nikah Payung Sekaki" yang merupakan sebahagian dari budaya Melayu di Desa Muara Madras, Kecamatan Jangkat, Jambi. Tradisi ini dilakukan secara turun-temurun dengan menerapkan nilai-nilai gotong-royong yang didasarkan pada hadis tentang tolong-menolong. Walaupun terdapat pelbagai perubahan dalam masyarakat moden, tradisi ini tetap dipelihara kerana ia melambangkan kehormatan dan keagungan sesuatu perkahwinan. Tradisi ini juga menonjolkan nilai-nilai kekeluargaan dan komuniti, di mana semangat gotong-royong dan kebersamaan sangat diutamakan. Artikel ini turut menyarankan agar generasi muda terus memelihara tradisi ini sebagai sebahagian daripada identiti budaya mereka, walaupun perlu menyesuaikan dengan perubahan zaman.

Walaubagaimanapun, dalam konteks Nabi SAW sendiri, Baginda tidak pernah memeriksa satu-persatu tradisi, resam serta tatacara hidup kaum-kaum yang baru memeluk Islam, tetapi cukup dengan meminta mereka mengucap dua kalimah syahadah dan seterusnya mengikut apa yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah (Khadher Ahmad & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi 2021). Ini bermakna apabila sesuatu amalan itu tidak bertentangan dengan prinsip syariat, boleh untuk diperlakukan dan jika sebaliknya wajar untuk tidak lagi diamalkan. Oleh sebab itu, tidak boleh untuk menolak atau menerima sepenuhnya amalan dalam sesuatu budaya dan adat dalam masyarakat, ianya perlu melalui kerangka penilaian dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW (Othman, & Suzana, 2008 & Ramli, 2006).

## Kekurangan Pangkalan data Hadis dalam Bahasa Melayu

Menerusi kertas kerja A Irwan Santeri Doll Kawaид (2022), dalam bidang hadis, banyak aplikasi digital telah dibangunkan untuk memudahkan orang ramai mengakses kepada data hadis. Namun, tidak banyak aplikasi atau pangkalan data yang bercirikan maklumat dan paparan hebat yang dibina dalam bahasa Melayu melainkan dalam bahasa Indonesia, Arab ataupun Inggeris berikutan ketiadaan dana, sumber manusia, kepakaran dan pelbagai lagi.

Terdapat kira-kira tiga puluh ribu hadis yang perlu diterjemahkan dan untuk membina pangkalan data kitab-kitab hadis adalah tugas yang sangat mencabar. Walaupun teks hadis bahasa Arab dalam bentuk digital boleh diakses dan disalin dari mana-mana sumber, namun data ini perlu melalui pelbagai proses penyusunan, semakan, pengesahan dan sebagainya. Perkara ini menjadikan pembinaan pangkalan data yang sahih dan sempurna agak mencabar. Apatah lagi, bagi pangkalan data kitab-kitab hadis yang bahasa asalnya ialah bahasa Arab, bukan sahaja teks hadis, malah tajuk-tajuk bab, ulasan dan syarah ulama juga perlu diterjemahkan. Hal tersebut memerlukan individu yang pakar dalam bahasa Arab selain arif juga tentang ilmu hadis, ilmu syariat dan budaya. Masalah hak cipta dan kesahihan terjemahan juga menjadi masalah sekunder jika menyalin teks terjemahan yang telah ada.

## Cabaran Media Sosial dan Digital

Penyebaran maklumat berlaku dengan pantas termasuk hadis-hadis Nabi yang muncul di media sosial dalam pelbagai bentuk digital, video, *meme* atau gambar. Justeru, para pengguna media sosial mampu mengakses informasi tentang hadis dengan mudah tanpa dibatasi masa dan tempat. Maka, kewujudan media sosial telah memberikan peluang dan kemudahan bagi para pengguna untuk belajar dan mengkaji hadis sekali gus berperanan sebagai medium e-dakwah yang berkesan (Khairulnazrin et.al 2021).

Kemajuan media sosial terutamanya aplikasi Instagram telah membuat penyebaran hadis lebih mudah dan lebih cepat, namun kelebihan ini turut mempunyai kekurangannya sepertimana kajian yang dilakukan di Indonesia menerusi artikel Rafli Fadhilla & Muhammad Ilyas (2023), dalam beberapa saat telah tersebar hadis berkaitan amalan bulan Rejab dan terdapat pelbagai respons diberikan oleh masyarakat, ada yang menerima sepenuhnya, ada yang menyebarkannya dan tidak kurang juga yang mempraktikkan. Ada yang sangat berhati-hati dan kritis dalam menerima hadis ini kerana isinya di luar akal pemikiran. Setiap umat Islam sewajarnya perlu berhati-hati dalam menerima sesuatu hadis yang sampai kepadanya. Dari Al Mughirah, ia mendengar Rasulullah saw bersabda: “Sesungguhnya berdusta atas namaku tidaklah sama dengan berdusta pada selainku. Barang siapa yang berdusta atas namaku secara sengaja, maka hendaklah dia menempati tempat duduknya di neraka.” (Abu Abdullah al-Bukhari, 2005)

Menerusi kajian Rafli Fadhilla & Muhammad Ilyas (2023), terdapat dua hadis terbaru dan tular pada tahun 2023 yang tersebar di media tentang amalan-amalan khusus di bulan Rejab antaranya hadis tentang keutamaan dan berdoa di bulan Rejab serta hadis tentang berpuasa di bulan Rejab. Hasil kajian tentang hadis pertama mendapati dari segi sanadnya, terdapat dua perawi mempunyai kecacatan dalam meriwayatkan hadis manakala sanad bagi hadis kedua memiliki perawi yang lemah. Dapatkan kajian ini juga mendapati, tidak ada amalan khusus pada bulan Rejab tetapi sebagai hamba Allah SWT, sangat dianjurkan untuk terus meningkatkan ibadah pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Golongan sarjana dan pakar hadis perlu bekerjasama dengan pihak yang terlibat dalam bidang teknologi komunikasi maklumat untuk mengatasi cabaran dalam pendigitalan ilmu hadis. Untuk mengelakkan penyebaran maklumat yang salah mengenai hadis, fahaman liberal dan golongan anti-hadis yang menentang penghujahan hadis, perundingan dan pemantauan berterusan perlu dilakukan terhadap bahan-

bahan berkaitan ilmu hadis dalam laman sesawang, portal dan aplikasi, penyelewengan teks atau maksud hadis dan penyebaran hadis tidak sahih dan palsu dalam kalangan orang awam.

## Kesimpulan

Ilmu hadis telah mengalami perkembangan pesat pada era globalisasi melalui pelbagai inovasi dan penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi. Namun, penting untuk diingat bahawa kemajuan ini juga boleh menjadikan sumber kedua Islam ini sebagai sasaran manipulasi dan penyalahgunaan oleh pihak tertentu dengan cara memalsukan hadis, mengubahnya, atau menyajikannya dalam konteks yang salah untuk mempengaruhi pandangan dan kepercayaan umat Islam. Akibatnya, situasi ini boleh membawa kepada perpecahan, ketegangan, atau konflik sosial dalam kalangan umat Islam, yang berakar daripada perbezaan pandangan, serta merosakkan akhlak, akidah, dan amalan syariah mereka.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi menerusi dana penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2023/SSI13/UKM/02/2).

## Rujukan

- A Irwan Santeri Doll Kawaiid. 2022. Cabaran pembinaan pangkalan data hadis lengkap dalam Bahasa Melayu untuk data raya (big data) yang dihadapi oleh kumpulan i-Status Hadis: Satu kajian kes. *The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022)*, hlm. 298-312. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/30>
- Abur Hamdi Usman & Mohd Norzi Nasir. 2022. Penyebaran hadis palsu dalam penerbitan di Malaysia dan kesannya kepada masyarakat. *Journal Hadis*, 12(23): 34-50. <https://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/182>
- al-Bukhari, Muhammad. 2021. *Sahih al-Bukhari*. Terjemahan. Jilid 7. Cetakan Pertama. Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama): Putrajaya, Malaysia.
- Farah Hanie Talip, Mohd Haidhar Kamarzaman & Mazlan Ibrahim. 2023. Penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis oleh golongan Agnostik dalam persoalan akidah. *Jurnal Usuluddin*, 51 (1): 29-54. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/43900>
- Halim Mokhtar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra, Mohd Hakim Arshad & Abdul Haiy Mahmod. 2023. Kepimpinan dakwah dalam menghadapi cabaran mad'u dalam era revolusi industri 4.0. *Proceeding International Seminar on Islamic Studies*, 4 (1). hlm. 1523-1531.
- Ibtisam Ibrahim, Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh, Norhashimah Yahya & Berhanundin Abdullah. 2022. Kaedah mengenal pasti status hadis dan kesannya dalam penyampaian mesej dakwah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3): 143-152. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/686>

- Moh Rosyid & Lina Kushidayanti. 2022. Anticipating Disaster: The ‘Urf Perspective of Rebo Wekasan Ceremony in Kudus, Central Java. *al-Ihkam*, 17(1): hlm. 91-112. Diakses dari: <https://ejournal.iainmadura.ac.id/index.php/alihkam/article/view/5705>
- Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman, Muhammad Adam Abd. Azid & Abdul Azib Hussain. 2021. Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur. *Journal Hadis*, 11(22): hlm.770-778.
- Muhammad Ghifari. 2023. Strategi efektif dalam mencegah penyebaran hadis palsu di media sosial. *The International Journal of Pegan Islam Nusantara Civilization*, 9(1): 103-122. <https://ejournalpegon.jaringansantri.com/index.php/INC/article/view/83>
- Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Shairawi Mohd. Noor. 2021. Modus operandi gerakan liberalisme di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 2 (2): 95-103. <https://ijistra.com/index.php/journal/article/view/28>
- Rafli Fadhillah Akhmad & Muhammad Ilyas. 2013. Kontroversi penyebaran hadis amalan khusus bulan Rajab di media sosial Instagram pada tahun 2023. *Journal on Education*, 6(1): 5953-5964.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman & Mohd Maziz al-Hadi Moharam. 2021. Prospek dan cabaran implementasi dakwah dalam media kontemporari: Satu analisis. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021*, hlm. 408-418.
- Siti Marpuah. 2019. Kesan hadis maudhu’ dalam amalan umat Islam. *Perada: Jurnal Studi Islam Kawasan Melayu*, 2(1): 24-32.
- Syahidil Mubarik Mh. 2023. Tradisi Nikah Payung Sekaki (Studi Living Hadits di Desa Muara Madras Kecamatan Jangkat, Jambi). *Jurnal Keislaman*, 6(2): hlm. 527-547.